

Hakim Mahkamah Rayuan ditambah lima orang lagi

UM 15 DEC 2001

KUALA LUMPUR 14 Dis. — Mahkamah Rayuan dijangka dapat meningkatkan keupayaannya menyelesaikan kes-kes tertangguh dengan penambahan jumlah hakim mahkamah itu daripada 10 kepada 15 orang tahun depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, dengan penambahan itu bermakna 120 rayuan jenayah dan 320 permohonan baru untuk rayuan boleh didengar di Mahkamah Rayuan sekali gus.

"Mahkamah Rayuan memerlukan penglibatan lebih ramai hakim supaya tunggakan kes-kes daripada Mahkamah Tinggi dapat ditangani secara berkesan.

"Ini berita baik untuk rakyat yang selalu mengeluh mengenai kelewatan kes-kes rayuan didengar," katanya kepada *Utusan*.

Sejak 1994 hingga Ogos tahun ini, menurut Rais, sebanyak 12,410 kes didaftarkan dan dengan tenaga 10 hakim, hanya sejumlah 6,120 kes diselesaikan.

Ini bermakna, katanya, sehingga Ogos tahun ini, terdapat sejumlah 6,290 kes yang masih tertangguh di Mahkamah Rayuan.

"Jadi sekiranya korum baru ini dapat diwujudkan, keupayaan Mahkamah Rayuan mendengar kes-kes tertunggak ini dapat ditingkatkan lagi," katanya.

Rais memberitahu pelantikan hakim-hakim berkenaan akan dilakukan di bawah proses Perlembagaan.

Menurutnya, Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah atas nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengemukakan cada-

ngan-cadangan kepada Yang diPertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, supaya proses itu berjalan dengan cepat.

"Pertambahan lima hakim ini memang ditunggu-tunggu dan saya yakin ia merupakan berita baik untuk bidang kehakiman pada tahun depan," katanya.

Mahkamah Rayuan kini diterajui oleh bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Wan Adnan Ismail yang baru dilantik menjadi presiden pada 6 September lalu, menggantikan Tan Sri Mohd. Lamin Yunus yang bersara.

Sementara itu, Rais memberitahu pejabatnya buat masa ini sedang menyiapkan cadangan mewujudkan rang undang-undang perlindungan saksi.

Katanya, cadangan itu meliputi pelbagai aspek perlin-

ngan termasuk langkah mengalih saksi dari satu tempat ke tempat lain, diselamatkan, diberi jaminan oleh kerajaan tentang kehidupannya buat seketika, identitinya, keselamatan diri dan persekolahannya, jika masih kanak-kanak.

"Sama ada akta ini mesti diwujudkan atau tidak kita tak pasti.

"Tetapi kita perlu gerakan sesuatu kerana banyak kes melibatkan individu bawah umur yang kena kita fikirkan masa depannya jika kes itu terbongkar menerusi media," katanya.

Beliau membayangkan peruntukan mengenainya mungkin juga akan diwujudkan di bawah akta sedia ada.

Menurut Rais, yang penting ialah peruntukan semacam itu harus ditimbangkan untuk Malaysia.